

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan membentaras 'Identity Politics' dalam rangka memperkasakan Visi 'Keluarga Malaysia'.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABDUL LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep Keluarga Malaysia mempunyai 3 nilai utama iaitu:
 - i. Inklusiviti (keterangkuman) iaitu antaranya menyemai budaya integriti;
 - ii. Kebersamaan iaitu antaranya memupuk semangat kekeluargaan; dan
 - iii. Kesyukuran iaitu membudayakan amalan sihat dari segi rohani, mental dan fizikal.

2. Dalam hubungan ini, konsep Keluarga Malaysia diterjemahkan dalam penggubalan dasar Kerajaan yang menggariskan perancangan strategik yang komprehensif bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam mengecapi nikmat pembangunan negara.

3. Konsep ini merupakan aspirasi bagi melahirkan Keluarga Malaysia yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Keberhasilan Kebahagiaan (KHO) Kerajaan.

4. Justeru, konsep Keluarga Malaysia tidaklah menyentuh apa jua *identity politics*, namun konsep ini menumpukan kepada 3 nilai utama inklusiviti, kebersamaan dan kesyukuran untuk melahirkan generasi dan rakyat yang bersatu padu tanpa mengira agama, budaya, kaum mahupun lapisan umur.

Sekian, terima kasih.